

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

November/Disember 1995

PLG 501 - Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan

Masa: [2 jam]

Arahan:

Kertas soalan ini mengandungi TIGA Bahagian, iaitu Bahagian A, B dan C. Anda dikehendaki menjawab TIGA (3) soalan dengan memilih SATU soalan dari setiap Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A [40 markah]

Jawab SATU soalan sahaja dari Bahagian ini.

1. Kebelakangan ini banyak cadangan perubahan dalam pelbagai aspek sistem pendidikan di Malaysia telahpun dibentangkan oleh pihak-pihak tertentu. Antara cadangan tersebut adalah:
 - penjadualan waktu anjal.
 - pemansuhan kelas peralihan bagi setengah-setengah murid dari sekolah rendah jenis kebangsaan
 - pengkoperatan universiti,
 - mewajibkan penglibatan pelajar dalam kegiatan brigad beruniform,
 - penyingkatan tempuh pengajian di tingkatan enam,
 - perkembangan institusi pendidikan tinggi swasta

...2/-

Setakat ini, beberapa cadangan tersebut telahpun dilaksanakan atau akan dilaksanakan.

Pilih satu isu atau perkara dari cadangan perubahan dalam pelbagai aspek sistem pendidikan di Malaysia (tidak semestinya menggunakan contoh cadangan yang disenaraikan di atas) yang menarik minat anda dan anda anggap bermasalah dan perlu dikaji dengan lebih mendalam.

Hurai dan bincangkan bagaimana andaian-andaian ontologi, epistemologi dan sifat manusia digunakan untuk menentukan pendekatan yang paling sesuai bagi menyelidiki isu tersebut.

2. [a] Dengan merujuk kepada contoh-contoh nyata dalam penyelidikan pendidikan, bincangkan kesilapan-kesilapan biasa (common pitfalls) yang sering dilakukan oleh penyelidik-penyelidik dalam perancangan reka bentuk dan pelaksanaan penyelidikan mereka.
2. [b] Bincangkan bagaimanakah kesilapan-kesilapan tersebut boleh dielakkan.

BAHAGIAN B: [30 MARKAH]

Jawab **SATU** soalan sahaja dari bahagian ini.

3. Hurai dengan memberi contoh-contoh yang nyata empat (4) daripada perkara-perkara berikut yang berkaedah penyelidikan kualitatif:
- a. Kesan Hawthorne
 - b. Triangulasi
 - c. Memokas Progresif
 - d. Temubual Mendalam
 - e. Isu Etika dan Kerahsiaan
 - f. Pemerhatian Turut Serta
 - g. Perundingan Jalan Masuk
 - h. Konsep yang memberi kepekaan (*Sensitising Concepts*)
4. [a] Banding dan bezakan kaedah-kaedah penyelidikan berikut:
- i. eksperimen
 - ii. tinjauan
 - iii. ex-post fakto
4. [b] Jelaskan dengan memberi contoh-contoh dalam konteks pendidikan bilakah kaedah-kaedah tersebut sesuai digunakan.

BAHAGIAN C: [30 MARKAH]

Jawab SATU soalan sahaja dari bahagian ini.

5. Mengapakah persampelan perlu dalam kebanyakan penyelidikan sosial? Berikan satu contoh situasi di mana persampelan tidak diperlukan dalam penyelidikan pendidikan.

Huraikan dengan memberi contoh-contoh sebenar EMPAT teknik persampelan selain daripada teknik persampelan secara rawak yang sering digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Jelaskan setengah-setengah kekurangan serta kelebihan teknik-teknik itu.

6. Berikan definisi 'kesahan sebuah alat ukur'. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh seorang penyelidik untuk memastikan alat ukur yang dibina adalah bolehpercayaan dan sah. Gunakan satu contoh alat ukur yang spesifik di dalam jawapan anda.